

03/03/2004

Prestasi cemerlang BN buat pembangkang kian tertekan

BAHANG pilihan raya semakin dirasai. Ramai tertunggu-tunggu tarikh pembubaran Parlimen dan Dewan Undangan Negeri kecuali Sarawak. Banyak akhbar meramalkan pengumuman itu akan dibuat bila-bila masa saja dalam minggu ini.

Kalau dilihat daripada bercambahnya berita serta analisis bersangkutan pilihan raya dalam akhbar harian, negara kini sudah mengharungi masa kempen. Seorang pelawat tentunya tidak boleh dipersalahkan jika berfikir negara sedang melalui tempoh itu.

Semua parti politik yang ingin mengambil bahagian dalam Pilihan Raya Umum ke-11 sudah pun membuat persiapan mereka. Perjumpaan pelbagai parti politik pada peringkat akar umbi telah mula diadakan di mana-mana setiap malam.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) juga telah bersedia untuk mengendalikannya dengan menyediakan peti undi, mendaftar pekerja sementara yang dikehendaki di semua kawasan pengundian. Pihak polis juga sudah membekukan cuti anggotanya.

Barisan Nasional (BN) sendiri dikatakan sudah pun selesai mengagihkan kerusi yang hendak dipertandingkan oleh calon di kalangan parti komponennya, manakala Pas dan Keadilan yang telah bergabung dengan Parti Rakyat Malaysia (PRM) juga sudah bersetuju dengan pengagihan kerusi bagi menentukan persaingan dua penjurur.

Demikian juga Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sudah pun selesai melawat negeri yang dianggap sensitif seperti Kedah dua hari sudah yang mana Pas sedang memberi tumpuan dengan harapan menakluki negeri jelapang padi itu.

Sabtu lalu, beliau melawat Terengganu yang mana BN berharap hendak menumpaskan Pas untuk mengambil alih tampuk kerajaan negeri daripada Pas.

Beliau kemudian melawat Kelantan yang mana Umno dikatakan telah mendapat nafas baru berikutan penukaran pimpinan di beberapa bahagian yang telah mula melihatkan kemantapan parti itu yang sebelum ini banyak dilanda masalah.

Ketika ini, kedudukan Pas tidak seperti pada pilihan raya lalu yang mana ia berjaya bekerjasama rapat dengan Keadilan menggunakan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk meraih sokongan dengan dakwaan Anwar dianiaya. Demikian pula ia telah dapat memperkudakan DAP untuk mendapat sokongan pengundi Cina.

Tetapi keadaan kini sudah berbeza. Keadilan sudah kehilangan arah dengan menghadapi pelbagai masalah dalaman kerana berterusan dengan isu Anwar yang tidak lagi dapat digunakan untuk meraih simpati. Ramai pemimpin berpengaruhnya sudah keluar parti dan banyak antara mereka telah kembali ke pangkuan Umno. Gabungannya dengan PRM juga tidak dapat memberikan nafas baru yang diharapkan.

DAP yang sudah masak dengan tindak tanduk Pas tidak lagi rela diperkudakan. Parti itu juga tidak semantap dulu kerana majoriti rakyat berketurunan Cina tidak lagi dapat menerima perjuangannya yang lapuk. Mereka juga mengetahui MCA dan Gerakan berjaya perjuangkan kepentingan masyarakat Cina untuk dapat bekerjasama rapat dengan orang Melayu dalam usaha membangunkan negara untuk kepentingan semua.

Dengan itu, tidak ada lagi isu besar nasional yang boleh digunakan pembangkang untuk mendapat sokongan pengundi. Walaupun Pas berterusan dengan memainkan isu hukum Hudud, ramai Melayu telah sedar ia hanyalah

permainan politik Pas untuk meraih sokongan. Ramai sudah faham bahawa Hudud hanyalah sebahagian kecil daripada kehendak agama.

Dalam keadaan demikian ini, kedudukan BN adalah lebih mantap dan pastinya boleh memperbaiki kedudukannya jika pilihan raya diadakan dalam waktu terdekat ini.

BUSH, BLAIR DIKECAM

NAMPAKNYA kesan daripada serangan dan penaklukan Amerika Syarikat dan konconya, Britain ke atas Iraq tidak berkesudahan. Presiden George W Bush dan Perdana Menteri Britain, Tony Blair, terus tertekan dan menjadi sasaran kecaman kerana tindak tanduk mereka yang melampaui batas norma hubungan antarabangsa, hanya kerana tekad mereka hendak menyerang dan menakluki Iraq.

Tidak cukup dengan pelbagai usaha keterlaluan, termasuk mengintip wakil tetap enam negara anggota Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) - Angola, Cameroon, Chile, Guinea, Mexico dan Pakistan - untuk menekan negara itu menyokong serangan ke atas Iraq (tetapi gagal mendapat restu itu), mereka juga telah mengintip (bug) pejabat Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan.

Pendedahan ini dibuat oleh bekas Menteri British, Clare Short yang memberitahu Radio BBC minggu lalu bahawa beliau pernah melihat teks perbualan Annan dengan tetamunya. Tidak mustahil AS dan Britain mengetahui apa yang dibincangkan oleh Annan dengan pelbagai ketua negara yang mengunjunginya di pejabatnya di New York.

Berikut ialah rentetan pendedahan pengintipan yang dilakukan agensi perisikan kedua-dua negara berkenaan:

Pada 31 Januari 2003, seorang pegawai kanan Agensi Keselamatan Negara AS (NSA) menghantar memo meminta bantuan perisikan Britain untuk mengintip pegawai kanan enam negara anggota tidak tetap Majlis Keselamatan PBB - Angola, Cameroon, Chile, Guinea, Mexico dan Pakistan - guna mendapatkan maklumat untuk menekan negara itu menyokong usul AS mendapat restu PBB untuk menyerang Iraq.

Pada 5 Februari 2003, Setiausaha Negara AS, Colin Powell, dalam usaha mendapatkan restu PBB menghuraikan kepada Majlis Keselamatan kenapa Iraq harus diserang dengan memberikan pelbagai alasan, termasuk kononnya mempunyai senjata pemusnah besar (WMD) serta kaitan Presiden Saddam Hussein dengan kumpulan militan al-Qaeda.

Pada 2 Mac akhbar British, Observer, mendedahkan memo NSA itu hasil daripada maklumat yang diberi seorang penterjemah di Global Surveillance Centre (Pusat Pengawasan Global) yang memantau dan memintas pelbagai maklumat yang penting kepada Britain daripada pelbagai sumber, termasuk perbualan telefon, fax dan e-mel. Pegawai itu, Katharine Gun, tersentak dengan taktik kotor yang dilakukan AS dan Britain serta berharap pendedahannya boleh menghalang serangan ke atas Iraq.

Bagaimanapun, pendedahan itu tidak berjaya menghalang serangan ke atas Iraq tetapi ia berjaya menggagalkan AS dan Britain mendapat restu PBB. Sebenarnya, rakyat AS tidak mengetahui taktik kotor kerajaan mereka kerana berita itu tidak langsung diberi liputan oleh media perdana AS.

Anehnya, akhbar New York Times diberitakan tidak mahu menggunakan berita itu kononnya kerana ia tidak mendapat pengesahan (seolah-olah NSA mahu mengesahkan taktik kotornya).

Washington Post pula berpendapat perkara itu tidak menghairankan. Oleh itu, ia bukanlah suatu berita yang harus diberi tempat, manakala Los Angeles Times pula berkata pengintipan demikian bukan suatu perkara aneh. Dalam pada itu akhbar itu menyoal kesahihan memo NSA itu yang dinyatakan sebagai palsu.

Reaksi akhbar perdana AS itu tidak menghairankan kerana ketika itu semuanya menyokong tindak tanduk Bush ke atas Iraq. Mereka tidak mahu

memberi gambaran buruk terhadap pentadbiran Bush kerana takut dilabelkan tidak patriotik kerana menentang serangan bertujuan memusnahkan `rejim jahat yang mengancam keamanan AS'.

Berikutan pendedahannya, Gun dijadualkan didakwa kerana melanggar Akta Rahsia Rasmi. Anehnya pendakwaannya itu telah ditarik balik akhir bulan lalu kerana kerajaan Blair dikatakan bimbang perbicaraan itu boleh membawa kepada pendedahan pelbagai maklumat yang boleh mengaibkannya.

Tindakan itu telah membawa padah yang lebih teruk kepada Blair kerana sehari kemudian, Short pula membuat pendedahan yang lebih mengaibkan lagi bahawa perisikan AS dan British mengintip Annan. Tidak pula diketahui sejak bila intipan ke atas Annan ini dilakukan oleh agensi intipan kedua-dua negara yang amat berbangga dengan tahap ketamadunan mereka. Yang pasti intipan demikian itu juga dilakukan ke atas ramai ketua perwakilan pelbagai negara di PBB, baik di pejabat, di rumah dan juga membuka e-mel mereka.

Tidak mustahil perbincangan Tun Dr Mahathir Mohamad dan Annan dalam lawatan terakhirnya sebagai Perdana Menteri untuk berucap di Perhimpunan Agung PBB sebelum bersara akhir tahun lalu, juga diintip dan diketahui pihak berkepentingan di AS dan Britain. Dr Mahathir sendiri telah mengecam tindakan AS menyerang Iraq.

Seorang anggota agensi pengintip AS meremehkan pendedahan Short itu dengan berkata kerja-kerja pengintipan adalah tugas mereka. Seolah-olah ini memberi mereka hak melakukan perkara yang terang-terang melanggar undang-undang antarabangsa dan norma peradaban.

Ada pula yang mengakui semua negara maju melakukan intipan demikian sejak 1945 lagi. Apakah kerana banyak negara melakukannya, perkara yang menyalahi prinsip hubungan antarabangsa boleh dihalalkan? Demikianlah mainan politik negara maju.

Pelbagai alasan yang diberikan untuk menyerang Iraq nyata tidak benar tetapi hingga kini tidak pula ada usaha untuk mengheret Bush atau Blair ke pengadilan kerana telah membohongi rakyat mereka dan dunia secara terang-terangan.

Pendedahan itu menunjukkan betapa terdesaknya AS hendak menyerang Iraq dan menggulingkan Saddam dalam usaha `grand design' Bush dan rakan puak konservatif barunya (new con) untuk `mendemokrasikan' negara Islam Timur Tengah mengikut acuan mereka. Puak konservatif baru di AS ini bersubahat dengan Yahudi untuk memantapkan penguasaan dan pengaruh AS di dunia Arab.

Kini Washington sedang berusaha mendapatkan sokongan terhadap rancangan ini yang digelarnya The Greater Middle East Initiative yang akan dikemukakan di sidang kemuncak negara maju The Group of Eight pada Jun depan.